



EA JOURNAL

ISSUE #19
APRIL 2024



SELAMAT HARI RAYA PUASA
10 APR 2024

FOLLOW US ON: /EVERSAFE_ACADEMY



www.eversafe.edu.sg

ISI

1. MESEJ MD
2. PENCAPAIAN KAMI
3. CIRI-CIRI & KEMUNCAK
4. BERITA & HALA INDUSTRI
5. KISAH MOTIVASI
6. JURULATIH KAMI
7. TESTIMONI
8. PROGRAM KESIHATAN & KECERGASAN (KAKITANGAN & PELAJAR)
9. PETUA & STRATEGI KESIHATAN
10. BERSERONOK DENGAN TEKA-TEKI & PERMAINAN
11. PAPARAN MEDIA SOSIAL
12. TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT - ACARA CSR
13. KURSUS EA TERKINI & ACARA AKAN DATANG
14. SKY YOGA EA
15. SERTAI KAMI
16. TENTANG AKADEMI EVERSAFE

KANDUNGAN



**KAMI AKAN SENTIASA MEMAKLUMKAN ANDA
TENTANG FAKTA DAN ILMU TERKINI.
TERUSKAN MENYOKONG KAMI.**

Imbas QR
untuk membaca
kesemua Isu-isu
Jurnal kami



Selamat membaca isu ke-19 Jurnal EA Akademi Eversafe untuk bulan April 2024!

Dalam isu kali ini, kami akan meneruskan penerokaan terhadap peluang pembelajaran dan mengumpulkan pendapat dan inisiatif yang pelbagai untuk menangani cabaran global dalam mengekalkan kesihatan yang baik. Sertai kami dalam kami menyajikan pertemuan antara etika, bukti, empati dan dialog yang hangat dan juga aktiviti yang memberi inspirasi untuk menambahbaik dunia yang kita diami ini.

1. Menyambut Kuasa Wanita: Majlis Hari Wanita Eversafe

Dalam menyambut Hari Wanita, Eversafe telah mengadakan satu majlis yang meriah untuk mengiktiraf dan menonjolkan sumbangan para wanita yang tidak ternilai. Diketuai oleh Mdm Oh, Pengarah Pembangunan Strategik & Jaminan Kualiti, majlis itu dimulakan dengan ucapan perasmian yang penuh bersemangat dalam menekankan semangat kental dan daya tahan seorang wanita.

Sepanjang majlis ini, para tetamu telah mengambil bahagian dalam permainan pesta yang dilihat penuh dengan kemesraan dan gelak tawa. Pentas tarian menjadi hidup apabila para wanita menunjukkan bakat tarian mereka dan menyambut pencapaian mereka dan di akhirnya dihidangkan dengan makan malam yang lazat-lazat. Sambutan penuh makna ini membuktikan komitmen Akademi Eversafe terhadap kesamaan jantina dan mencipta peluang kepada golongan wanita untuk berjaya dalam setiap aspek kehidupan mereka. Majlis ini menjadi satu bukti terhadap dedikasi teguh dan kerja keras para wanita, menginspirasi generasi di masa akan datang untuk mencapai impian yang mereka ingini. Bersama-sama, kita mampu membina masa depan yang lebih cerah di mana sumbangan para wanita diiktiraf, dihargai dan disambut setiap hari.

2. Memupuk Kesejahteraan: Inisiatif Akademi Eversafe No Boil, No Oil

Di Akademi Eversafe, kami tahu yang kesejahteraan kakitangan kami adalah penting untuk kejayaan kami. Dalam dunia di mana kehidupan yang serba pantas mengundang kepada pilihan kesihatan yang tidak baik, memupuk budaya kesedaran kesihatan adalah sesuatu yang amat penting. Untuk menangani masalah ini, Akademi Eversafe dengan bangganya melancarkan program No Boil, No Oil. Diketuai oleh Doktor Maheshwari, pakar nutrisi dan kesejahteraan, program inovatif ini bertujuan untuk menggalakkan pemilihan makanan yang berkhasiat dalam kehidupan seharian kita.

Doktor Maheshwari memperkenalkan Puan Kannamma Neelakandan yang membuka hotel yang pertama yang mengadaptasi No Boil, No Oil di Chennai, Tamilnadu. Sebagai salah satu bahagian dalam program ini, satu makan tengahari telah diberikan kepada kakitangan kami yang dilengkapi dengan 100 jenis makanan yang "No Boil, No Oil", membolehkan para peserta untuk menyelami sendiri rasanya dan manfaat pendekatan yang sebegini dalam pemakanan mereka. Ini merupakan satu peluang kepada kakitangan kami untuk bukan sahaja merasa makanan ini tetapi juga berbincang tentang bagaimana untuk berubah ke arah gaya hidup yang mampan. Akademi Eversafe berdiri teguh

dengan komitmennya untuk mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan kakitangannya. Inisiatif No Boil, No Oil ini menunjukkan dedikasi kami dalam memperkasakan mereka dengan ilmu dan alat yang diperlukan untuk mereka membuat pilihan hidup yang lebih sihat dan ceria.



Bersama-sama, kita tempuhi perjalanan ke arah kesejahteraan hidup, yang mana kita tahu dengan melabur kesihatan kita pada hari ini, kita menjamin kesenangan di masa akan datang.



3. Master Medical Check-up

Di Akademi Eversafe, kami mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan pekerja kami. Kami yakin bahawa "mencegah lebih baik dari mengubati". Dengan memegang kepada prinsip ini, kami dengan bangganya memperkenalkan satu program Master Medical Check-Up untuk kesemua kakitangan kami secara percuma bermula dari Apr 2024. Inisiatif ini menunjukkan komitmen kami dalam memastikan kelanjutan usia dan vitaliti pekerja kami.

Manfaat Utama Master Medical Check-Up:

- Pengesanan Awal terhadap Masalah Kesihatan
- Penilaian Komprehensif
- Pemeriksaan Fizikal
- Ujian Makmal
- Kajian Pengimejan
- Konsultasi Pakar
- Panduan Gaya Hidup
- Pemerksaan Pekerja
- Peningkatan Produktiviti dan Moral:



Secara ringkasnya, di Akademi Eversafe, kami mengiktiraf bahawa pekerja kami adalah aset kami yang paling berharga. Melalui program Master Medical Check-Up, kami berharap dapat mengutamakan penjagaan kesihatan pencegahan dan memperkasakan kakitangan kami untuk menjalani hidup yang lebih sihat dan sempurna. Dengan menawarkan inisiatif komprehensif percuma ini, kami menunjukkan komitmen kami dalam memupuk suasana tempat kerja yang menghargai dan mengutamakan kesihatan pekerjanya. Bersama-sama, kita mulakan perjalanan ke arah kesihatan yang lebih baik, memastikan slogan "mencegah lebih baik dari mengubati" bukan hanya sekadar slogan, tetapi menjadi satu prinsip yang memacu budaya tempat kerja kita.

4. Konsultasi Perubatan Percuma dengan Doktor Sidha

Dengan berbekalkan komitmen kami terhadap kesejahteraan holistik pekerja, Akademi Eversafe dengan bangganya memperkenalkan komponen tambahan dalam program Master Medical Check-Up kami. Sebagai penambahan kepada penilaian perubatan konvensional, kini kami menawarkan sesi konsultasi perubatan percuma dengan Doktor SIDHA. Penambahbaikan ini menunjukkan dedikasi dalam menyediakan pilihan penjagaan kesihatan yang komprehensif yang menampung keperluan dan pilihan kakitangan kami yang pelbagai.

Manfaat Konsultasi Perubatan Sidha adalah seperti berikut:

- Pelbagai Pilihan Penjagaan Kesihatan
- Sumber Pendapat Kedua
- Pendekatan Kesejahteraan Yang Holistik
- Sensitivi dan Keterangkuman Budaya



Penambahan konsultasi perubatan percuma dengan Doktor SIDHA terhadap program Master Medical Check-Up kami ini mencerminkan komitmen Akademi Eversafe dalam memberikan penyelesaian penjagaan kesihatan yang inklusif dan komprehensif. Dengan mendapatkan modus penjagaan kesihatan yang pelbagai dan menyesuaikan pilihan kakitangan kami, kami memperteguhkan dedikasi kami dalam menggalakkan kesejahteraan holistik di tempat kerja. Melalui inisiatif ini, kami memperkasakan pekerja untuk mencuba pilihan penjagaan kesihatan alternatif untuk membuat pilihan yang menyokong kesihatan dan kesejahteraan mereka secara menyeluruh. Bersama-sama, kita terus mengutamakan keperluan penjagaan kesihatan pekerja kita yang pelbagai dan memupuk budaya keterangkuman dan kesejahteraan.

5. Kelas Yoga percuma untuk semua kakitangan sepenuh masa

Suka untuk kami mengumumkan satu inisiatif baru yang bertujuan untuk menggalakkan kesejahteraan holistik di kalangan kakitangan kami. Sejak April 2024, Eversafe akan menawarkan kelas yoga percuma kepada semua pekerja sepenuh masa dan bersekutu kami.

Dalam dunia yang serba pantas ini, mengutamakan kesihatan dan kesejahteraan kita adalah sangat penting. Yoga menawarkan kombinasi hebat antara latihan fizikal, ketenangan minda dan rejuvenasi rohaniah, menjadikannya satu amalan yang ideal untuk memupuk kesejahteraan secara keseluruhan.

Kelas-kelas yoga ini bukan sahaja berkisar tentang kecergasan fizikal; ia tentang membentuk gaya hidup yang seimbang dan menyuburkan ketenangan dalaman. Tidak kisahlah samada anda baru bermula atau ahli yoga yang berpengalaman, semua orang dijemput untuk mengambil bahagian dan merasai sendiri manfaatnya secara langsung. Butiran tentang jadual kelas, lokasi dan pendaftaran akan disediakan dalam masa beberapa hari. Kami menggalakkan semua pekerja yang berminat untuk mengambil peluang ini untuk memulakan perjalanan ke arah hidup dan vitaliti yang lebih baik. Bersama-sama, kita mula mengamalkan yoga dan memperkasakan diri kita untuk mendapatkan hidup yang lebih ceria dan sihat.

Kesimpulan

Dalam kami menutup edisi ke-19 Jurnal EA ini, kami menyingkap semula perspektif dan pendapat yang pelbagai yang telah dikongsikan, menjelmakan etos altruisme yang efektif. Dari saranan etika hinggalah kepada strategi praktikal, setiap artikel telah menyumbang kepada pemahaman yang kolektif tentang bagaimana untuk memaksimumkan impak yang positif. Mariklah kita gunakan semua ilmu ini dengan penuh dedikasi dan keazaman, teruskan mencipta satu dunia di mana

kasih sayang dan kemunasabahan memacu tindakan kita.

Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada dialog yang tidak ternilai ini. Maklumbalas, komen dan pengalaman yang anda kongsi

memacu kami ke arah yang lebih baik setiap hari.

Teruskan bersama kami untuk kandungan yang lebih menarik pada bulan-bulan seterusnya!



Tulus Ikhlas,



R. MURUGESH
(MANAGING DIRECTOR)
EVERSAFE ACADEMY PTE LTD



www.eversafe.edu.sg



2. PENCAPAIAN KAMI



2008
Year Established



200+
Dedicated Staffs



130+
Courses



1200+
Corporate Clients



3. CIRI-CIRI & KEMUNCIAK

Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Keselamatan EA

Jawatankuasa Keselamatan EA kami terdiri daripada Pasukan Pengurusan EA dan Jurulatih WSH berpengalaman yang terpilih dengan berfokuskan terhadap pemantauan keselamatan harian dan penilaian keselamatan di 4 cawangan latihan kami. Mesyuarat bulan Mac telah dijalankan pada 25 Mac 2024 di lokasi Little India. Mesyuarat itu diketuai oleh Pengarah Urusan En. Murugesh bersama-sama dengan 11 ahli yang lain.



3. LAWATAN KE RUMAH ORANG TUA

Dari Akademi Eversafe, kami telah melawat Man Fut Tong Nursing Home pada 27 Mac 2024.



“The purpose of human life is to serve, and to show compassion and the will to help others.”

— Albert Schweitzer



3. EA TELAH MENGADAKAN KELAS KOMPUTER PERCUMA PADA BULAN MAC 2024



WORK-AT-HEIGHT SYMPOSIUM 2024

- Work-at-Height Symposium 2024 yang telah diadakan pada 19 Mac 2024, memberikan gambaran komprehensif tentang perkembangan dan trend terkini dalam keselamatan bekerja di tempat tinggi (WAH). Dengan berbekalkan fakta yang jatuh dari tempat tinggi masih menjadi kebimbangan utama dalam keselamatan pekerjaan, simposium ini menjadi satu platform untuk pemimpin industri dan pakar keselamatan untuk berbincang tentang kaedah inovatif dan berkongsi amalan yang boleh mengurangkan risiko yang berkaitan dengan bekerja di tempat tinggi.
- Salah satu perkara penting dalam majlis ini adalah pengumuman En. Abu Bakar Mohd Nor, Pengerusi Pasukan Petugas Majlis WSH, berkenaan tentang pelancaran sumber keselamatan tangga yang baru. Dengan berbekalkan fakta yang jatuh dari tangga menyumbang kepada sebahagian besar kecederaan besar dan kecil, sumber-sumber baru ini, yang merangkumi pek-pek keselamatan, video dan animasi GIF yang dijangka akan memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan keselamatan tangga dalam semua industri.
- Tambahan pula, syarikat-syarikat seperti Zheng Keng Engineering & Construction menunjukkan pendekatan proaktif mereka terhadap pencegahan dan perlindungan daripada terjatuh dengan mengintegrasikan teknologi WSH dalam amalan mereka. Integrasi ini bukan sahaja menambahbaik keselamatan malah menekankan kepentingan menggunakan teknologi untuk mengurangkan risiko secara efektif.
- Pembentangan signifikan yang lain yang dibuat oleh Haulotte Singapore, yang mempamerkan teknologi dan inovasi keselamatan terkini dalam Platform Kerja Aerial (AWP). Dengan menggabungkan kaedah sebegini, kemajuan sebegini menyumbang kepada penambahbaikan kawalan keselamatan secara menyeluruh semasa menggunakan AWP, menangani masalah yang dihadapi berkaitan keselamatan kelengkapan dan perlindungan operator.

Furthermore, Tambahan lagi, simposium ini menyetengahkan aspek psikologi dan perlakuan dalam keselamatan WAH, menekankan kepentingan memahami pendorong perlakuan sebegini dan melaksanakan strategi untuk memupuk perubahan yang positif. Dengan menggabungkan prinsip Kejuruteraan Faktor Kemanusiaan ke dalam aspek keselamatan, syarikat-syarikat dapat mempertingkatkan budaya keselamatan dengan efektif dan mengurangkan kebarangkalian kemalangan.



WORK-AT-HEIGHT SYMPOSIUM 2024

- Komitmen lapan persatuan industri terhadap keselamatan WAH memang patut dipuji. Seruan mereka kepada pengurusan tertinggi syarikat-syarikat lain untuk mewujudkan saluran laporan WSH, membolehkan pekerja untuk berhenti bekerja jika mereka rasa tak selamat dan memasukkan kriteria keselamatan WAH dalam polisi perolehan mereka melambangkan usaha bersama terhadap keutamaan keselamatan.
- Dalam ucapan pembukaannya, En. Abu Bakar Mohd Nor menunjukkan pencapaian dan cabaran dalam keselamatan WAH, menekankan kepentingan kewaspadaan yang berterusan walaupun telah mencapai penanda aras yang positif. Dia menyampaikan kebimbangan terhadap jatuh dari tempat tinggi, terutamanya yang melibatkan keselamatan tangga dan perluanya sokongan padu anda.
- En. Abu Bakar juga menekankan sokongan Majlis WSH terhadap perkembangan sumber dan menggalakkan komitmen industri terhadap keselamatan WAH. Dia memuji kelapan-lapan persatuan industri tersebut atas kesungguhan mereka terhadap keselamatan dan menggesa semua yang hadir untuk memupuk budaya WSH untuk masa depan yang lebih selamat.
- Kesimpulannya, Work-at-Height Symposium 2024 mengetengahkan usaha berterusan dan perkembangan dalam keselamatan WAH. Dengan menghadapi inovasi teknologi, menangani faktor psikologi dan memupuk budaya keselamatan, industri ini akan terus maju dengan memastikan kesejahteraan pekerja yang bekerja di tempat tinggi.



Thanikachalam Rameshkumar
Head – Academic Department
Eversafe Academy



Sebagai seorang ahli profesional keselamatan selama lebih dari 20 tahun, saya berpeluang untuk menyaksikan transisi secara beransur dalam sistem kesihatan dan keselamatan di Singapura dari sudut pendekatan preskriptif yang menekankan kepatuhan undang-undang sehinggalah kepada pendekatan yang berdasarkan kepada risiko yang menjadi sempadan dalam menilai risiko dan bertindak untuk mengawalinya. Proses transisi ini juga menunjukkan transformasi ahli profesional daripada tidak cekap kerana kekurangan latihan dan struktur penilaian, kepada seseorang yang kemudiannya dilengkapi dengan sistem modular latihan dan penilaian yang diperhalusi.

Bagi saya, dengan latihan dan sijil keselamatan yang telah saya peroleh dan pengalaman bertahun-tahun saya dalam kerja ini telah membentuk kemahiran keselamatan saya ketika saya perlu bekerja dengan kontraktor yang kurang bekerjasama dan pimpinan tempat kerja yang hipokrit yang langsung tidak memberi perhatian terhadap isu-isu keselamatan. Melalui kompleksiti interaksi yang berkaitan dengan kerja yang sebeginilah saya dapat belajar makna sebenar "FIRST" dalam Safety First. "FIRST" adalah konsep pragmatik yang merangkumi kualiti-kualiti yang saya pelajari dalam menjalankan peranan keselamatan saya di tempat kerja.

F dalam "FIRST" adalah kualiti KELAYAKAN. Kamus Webster mentakrifkan perkataan ini sebagai "kebolehlaksanaan". Pasukan projek atau operasi biasanya memberi perhatian terhadap menyiapkan sesuatu bangunan atau membuat sesuatu produk dalam masa yang ditetapkan. Kejayaan penghantaran alat gerudi minyak keluar dari kedai-kedai membawa kepada hasil pendapatan kepada syarikat tersebut. Begitulah jua, sesuatu projek bangunan mestilah dibina berpandukan penanda aras yang ditetapkan untuk memenuhi permit kerja sementara untuk pemiliknya pindah masuk. Sebagai seorang ahli profesional adalah penting untuk dia dengan jelas memberikan perhatian yang sama kepada penyempurnaan tugas dan matlamat yang diberikan, yang berbeza hanyalah perhatian tambahan dalam menjaga nyawa dan anggota badan. Oleh itu, rekomendasi atau

cadangan yang diberikan oleh ahli profesional keselamatan sebagai langkah kawalan untuk mengurangkan risiko keselamatan mestilah munasabah yang mana membuatkan kerja yang berlangsung tidak terhalang dengan kawalan risiko yang tidak munasabah yang boleh menyumbang kepada penundaan atau pemberhentian.

"Oleh itu, rekomendasi atau cadangan yang diberikan oleh ahli profesional keselamatan sebagai langkah kawalan untuk mengurangkan risiko keselamatan mestilah munasabah yang mana membuatkan kerja yang berlangsung tidak terhalang dengan kawalan risiko yang tidak munasabah yang boleh menyumbang kepada penundaan atau pemberhentian"



PENGALAMAN SEORANG AHLI PROFESIONAL KESELAMATAN TEMPAT KERJA

Kualiti seterusnya yang perlu dipertimbangkan dalam "FIRST" dilambangkan oleh huruf I, yang merujuk kepada INISIATIF. Ahli profesional keselamatan perlu mengambil inisiatif dalam menyelesaikan isu berkaitan keselamatan dan kesihatan. Inisiatif sebegini hanya akan diperoleh apabila ahli profesional keselamatan tersebut dipercukupkan dengan ilmu teknikal dan perundangan, sudah biasa dengan proses pekerja dan tapak kerja, aktiviti dan tugas yang dijalankan dan selalu didedahkan kepada amalan industri. Dia juga berjalan di atas tanah untuk membuat pemerhatian terhadap tindakan atau keadaan yang tidak selamat yang boleh mengakibatkan situasi merbahaya, campur tangan untuk menilai risiko dan mengambil tindakan yang membawa kepada kawalan yang boleh diterima sebagai penyelesaian kepada risiko bahaya yang lazim berlaku. Sudah banyak kali saya memenangi keyakinan dan kepercayaan pengurus projek disebabkan inisiatif yang saya demonstrasikan dalam projek yang terlibat. Setiap kali saya duduk bersama dengan pengurus projek, baik orang Amerika, Jepun mahupun tempatan, mereka ingin "mendengar" resolusi yang saya bawakan.

"Ahli profesional keselamatan perlu mengambil inisiatif dalam menyelesaikan isu berkaitan keselamatan dan kesihatan"

Huruf ketiga dalam "FIRST" adalah kualiti dalam kemunasabahan. Pada saya, kemunasabahan boleh diterjemahkan kepada teknik kemahiran bermain antara kos yang ditanggung dan keuntungan terakru. Salah satu sebab kenapa ahli profesional keselamatan "Therefore, the recommendations or suggestions the safety professional offers as control measures for mitigating safety lapses must be feasible to the point that the work in progress is not hampered by unreasonable risk controls that could result in delays or stoppages"

"Safety professionals should take the initiative in attempting to resolve issues in safety and health"

tidak bekerjasama dengan ahli pasukan operasi atau projek adalah ketidakmampuan mereka untuk mempamerkan kemunasabahan dalam menyampaikan penyelesaian terhadap isu yang berkaitan dengan keselamatan. Selalunya ahli profesional keselamatan cenderung untuk menyebut keperluan perundangan dan penalti kebersalahan. Mereka gagal untuk menyampaikan pembentangan mereka atau memberikan rekomendasi penyelesaian yang mematuhi keperluan perundangan dan dalam masa yang sama memastikan rekomendasi tersebut seimbang secara kasar antara kos menghindarkan risiko dan keuntungan yang diperoleh daripada menghindarkan risiko tersebut. Saya pernah tertangkap dalam situasi yang sukar di mana saya menyelia kesihatan dan keselamatan di sebuah loji.

Seorang sub-kontraktor dipanggil untuk memasang rak tambahan untuk meyimpan bahan kimia di seksyen simpanan pukal di sebuah gudang. Dia perlu melakukan aktiviti-aktiviti yang bersuhu tinggi seperti kerja-kerja memotong dan mengimpal yang mengeluarkan wasap dan asap yang mencemarkan udara dalam loji tersebut. Selepas melihatkan masa dan tempoh kerja tersebut, dan kos dan usaha yang terlibat dalam ujian atmosfera, membekalkan pengalihudaraan ekzos dan respirator tempatan, kami mensarankan supaya kerja tersebut dirancang dengan elok supaya yang mana semua kerja bersuhu tinggi dijalankan di satu tempat di luar loji sebelum membawa masuk bahagian yang telah difabrik yang diperlukan untuk memasang rak tersebut. Cadangan ini memuaskan semua pihak berkepentingan yang berkaitan.



“Salah satu sebab kenapa ahli profesional keselamatan tidak bekerjasama dengan ahli pasukan operasi atau projek adalah ketidakmampuan mereka untuk mempamerkan kemunasabahan dalam menyampaikan penyelesaian terhadap isu yang berkaitan dengan keselamatan”

Huruf seterusnya S dalam “FIRST” merujuk kepada kualiti KETEGUHAN dalam peranan sebagai seorang ahli profesional keselamatan. Kamus Webster menterjemahkan keteguhan sebagai “keyakinan dalam kepercayaan, kesungguhan dan kepatuhan”. Seorang ahli profesional keselamatan yang baik akan teguh pendiriannya tentang pentingnya kesihatan dan keselamatan kepada kejayaan sesuatu projek atau operasi, mempunyai kesungguhan yang kuat untuk menetapkan standard dalam kesihatan dan keselamatan dalam organisasi dan menghidupkan kepatuhan terhadap prosedur dan amalan keselamatan dan kesihatan. Kegagalan seorang ahli profesional keselamatan adalah apabila dia mula teragak-agak dan tunduk kepada kompromi yang

menjejaskan keselamatan nyawa dan anggota badan. Dalam satu projek keteguhan keyakinan saya telah diuji. Saya telah menetapkan satu polisi keselamatan yang mana abah-abah keselamatan perlu dipakai oleh kakitangan yang berkaitan daripada semua tahap organisasi, termasuklah klien, pembekal dan pihak berkuasa. Ramai yang skeptikal tentang kejayaan pelancaran polisi seperti ini, mempersoalkan kredibiliti polisi ini, memberikan sebab yang abah-abah keselamatan hanya perlu dipakai apabila bekerja di tempat tinggi.

Jawapan balas saya adalah kebiasaannya adat kelakuan manusia adalah mereka cenderung untuk pergi ke tempat tinggi tanpa memakai abah-abah keselamatan jika mereka tidak dapat memperolehnya. Dalam keadaan sebegini, mustahil untuk mereka bersusah-susah berjalan berpatah balik ke pejabat hanya untuk memakai abah-abah keselamatan. Ada yang mengejek mengatakan polisi ini mengarut dan mengatakan ia adalah menyusahkan untuk memakai abah-abah keselamatan ke tapak pembinaan apalagi berjalan dengan memakainya sedangkan ianya bukan satu keperluan. Saya berpegang teguh dengan kepercayaan saya dengan polisi ini dan menegaskan kepatuhan terhadapnya. Saya berazam untuk memastikan polisi ini diamalkan oleh setiap orang secara beransur-ansur dan menjadi satu amalan kebiasaan seperti memakai topi keledar keselamatan tanpa sebarang soalan. Keteguhan saya akhirnya menimbulkan hasil dan saya beruntung dapat menyaksikan pemakaian abah-abah keselamatan menjadi satu perkara kebiasaan dalam kalangan pekerja sebelum memasuki tapak pembinaan, samada bekerja di tempat tinggi ataupun tidak.

Keteguhan diterjemahkan sebagai “keyakinan dalam kepercayaan, kesungguhan dan kepatuhan”



Akhir sekali, huruf yang terakhir dalam “FIRST” adalah huruf T. Ini merujuk kepada LATIHAN berterusan dan menaiktaraf untuk sentiasa ke hadapan. Kita semua tahu yang kerajaan Singapura menyokong kuat terhadap latihan dan pendidikan dan banyak memberikan subsidi terhadap pembelajaran sepanjang hayat untuk orang dewasa terus mempertingkatkan kemahiran mereka. Samalah juga dengan ahli profesional keselamatan.

Berterusan mempertingkatkan kemahiran dan ilmu dengan latihan yang relevan akan membolehkan ahli profesional keselamatan untuk menjadi yakin dan berwibawa dalam menawarkan nasihat kepada pengurus projek atau loji berkenaan tentang hal-hal keselamatan. Seorang ahli profesional keselamatan yang bijak tidak akan menolak latihan, sebaliknya akan mengasah kecekapan melalui kursus latihan

“Steadfastness is defined as “firm in belief, determination, and adherence”

dan bengkel dalam pelbagai disiplin. Satu area disiplin yang patut ahli profesional keselamatan tingkatan kemahiran padanya adalah dalam perbandingan dan analisis kos. Daripada kerap membaca keperluan perundangan dan peraturan, seorang ahli profesional keselamatan patut dilatih untuk membentangkan perbandingan yang jelas antara kos yang ditanggung dalam sesuatu kemalangan dan kos untuk melaksanakan kawalan yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan sebegitu. Analisis risiko kuantitatif ini akan membolehkan pengurus projek/loji untuk membuat keputusan yang sewajarnya dan membantu dalam melaksanakan langkah kawalan yang menjimatkan kos. Kewibawaan ahli profesional keselamatan tersebut akan jelas terpapar.

“Seorang ahli profesional keselamatan yang bijak tidak akan menolak latihan, sebaliknya akan mengasah kecekapan melalui kursus latihan dan bengkel dalam pelbagai disiplin”

Kesimpulannya, konsep “FIRST” dalam Safety First tidak sepatutnya hanya sekadar menjadi slogan yang dialunkan pada rutin pagi harian di tempat kerja, namun patut dan hendaklah menjadi satu kualiti yang boleh dilaksanakan oleh seorang ahli profesional keselamatan di tempat kerja supaya mereka mendapat pragmatisme dan kewibawaan...inilah nilai-nilai yang dipandang oleh penyelia dan rakan sejawat. Semoga setiap ahli profesional keselamatan di tempat kerja menjadi FIRST dalam keselamatan.

Dikongsi oleh
John Mohan Duraisangam



Suatu hari, seorang ayah dari seorang keluarga yang kaya raya membawa anak lelakinya ke satu trip ke satu negara untuk menunjukkan kepada anaknya betapa susahny kehidupan orang di sana. Mereka meluangkan masa beberapa hari dan malam di sebuah ladang yang dipunyai oleh seorang keluarga yang sangat miskin. Dalam perjalanan pulang dari trip tersebut, ayahnya bertanya, "Bagaimana trip kali ini?" "Bagus sekali, ayah." "Awak nampak tak kehidupan orang miskin?" tanya ayahnya. "Ya ayah," jawab anaknya. "Beritahu ayah, apa yang awak pelajari dari trip ini?" tanya ayah.

Anaknya menjawab: "Saya nampak yang kita ada seekor anjing sedangkan mereka ada empat. Kita ada sebuah kolam renang yang merentasi taman bunga kita sedangkan mereka mempunyai anak sungai yang tiada penghujungnya. Kita ada tanglung yang diimport di taman bunga kita sedangkan mereka ada bintang-bintang di langit. Patio kita merentasi halaman depan rumah kita sedangkan mereka merentasi seluruh kawasan.

"Kita ada sebuah tanah kecil untuk didiami sedangkan mereka mempunyai ladang yang seluas-luasnya. Kita ada orang gaji untuk melayan kita, sedangkan mereka melayan orang lain. Kita beli makanan kita sedangkan mereka menuainya sendiri. Kita ada dinding di sekeliling tanah kita untuk melindungi diri kita, sedangkan mereka mempunyai ramah sahabat untuk melindungi mereka." Bapanya terkedu.

Kemudian anaknya menambah, "Terima kasih ayah kerana menunjukkan kepada saya betapa miskinnya kita."



Moral: Bukanlah wang yang membuatkan kita kaya, sebaliknya kesederhanaan, kasih sayang, belas kasihan, persahabatan, penghargaan, keluarga, itulah yang menjadikan kita kaya.

Diolah dari kisah asal
G. Rambu Paul Dhinakaran
(Pengurus Kanan – Sumber Manusia)



6. OUR TRAINERS



MD kami En Murugesh memberikan Sijil Penghargaan Laluan Kecemerlangan Jurulatih (TEP) bulanan kepada Jurulatih Contoh bagi Mac 2024.



Selvaraj Pothiraj



MD Rakibul Islam



Ramzan Hosen Bhuia



Shamim Ahmed



MD Zakir Hossain



Ho Zi Ming



6. TESTIMONI (PELANGGAN)

P: 18

Pengendorsan Komitmen kami kepada Pelajar dan Pelanggan kami
Beberapa pengendorsan dan maklumbalas dari pelanggan kami

Nama syarikat - ALEXIS CONSTRUCTION PTE. LTD
Pengelola syarikat - Tata Rachman
Pengelola Kursus - Ms Riya



Riya,

Terima kasih banyak atas pertolongan anda. Anda memberikan khidmat yang cemerlang kepada kami. Saya sangat menghargainya. Selamat berhujung minggu Riya.

Nama syarikat - LKP Engineering Pte Ltd.
Pengelola syarikat - Ms Priya
Pengelola kursus - Ms Nivedha



Hai Nivedha, seronok saya menulis borang maklumbalas ini kerana saya telah disajikan dengan khidmat yang cemerlang di akademi anda, dan saya sangat hargai respons pantas anda. Saya sangat menghargai khidmat pelanggan anda yang efisien dan mesra, tahap ketelitian dan kebertanggungjawaban yang sentiasa anda pameran. Saya berharap dapat bekerja dengan anda lagi di masa akan datang.

Nama syarikat - CWMS PTE. LTD.
Pengelola syarikat - Nurin Nisa
Pengelola kursus - Ms Reshma



Hai Reshma,

Servis anda bagus. Sudah tentu saya akan berurusan dengan syarikat awak lagi untuk kursus akan datang.

Nama syarikat - Aflex Ships Equipment Pte Ltd
Pengelola syarikat - Rose Li (Ms.)
Pengelola kursus - Sulphia



Sulphia,

Terima kasih atas maklumbalas pantas anda dan panggilan telefon susulan anda. Pengalaman yang sangat baik dalam berurusan dengan anda. Anda selalu menjawab dengan sangat pantas dan sopan. Saya hargai khidmat cemerlang anda. Diharapkan kita dapat bekerjasama lagi di masa akan datang. Jaga diri dan semoga berjaya.



7. TESTIMONI (PELAJAR)

P: 19

Pengendorsan Komitmen kami kepada Pelajar dan Pelanggan kami
Beberapa pengendorsan dan maklumbalas dari pelajar kami

Nama Pelajar - TANG YIAW SING
Nama Kursus - DQS
Pengelola Kursus - Ms Rohini



Eversafe,

Akademi Eversafe adalah sumber yang tak ternilai dalam perjalanan progresif karier saya. Kursusnya disusun dengan sangat baik dan sarat dengan maklumat, dan pengajarnya berpengalaman dan penuh dengan ilmu. Banyak yang saya belajar daripada Akademi Eversafe dan saya sangat mengesyorkannya kepada sesiapa yang ingin menaiktaraf karier mereka.

Nama Pelajar - Hasan Mehdi
Nama Kursus - Level B
Pengelola Kursus - Ms Kaushalya



Saya ingin mengumumkan bahawa khidmat pelanggan dari pengawai ini adalah sangat cemerlang. Respons pantas dan susunan kelas dibuat dengan sangat baik. Saya berpuas hati dengan khidmat anda, terima kasih

Nama Pelajar - Dennis Chiun
Nama Kursus - AWSHGT
Pengelola Kursus - Ms Priyanka



Hai Priyanka,

Saya ingin mengucapkan terima kasih atas respons pantas anda. Maklumat anda sangat bernilai dan sangat dihargai. Terima kasih sekali lagi atas bantuan anda.

Nama Pelajar -
Nama Kursus - Level B
Pengelola Kursus - Ms Kaushalya



KAUSHALYA melakukan tugasnya dengan baik. Dia cuba menolong kami seboleh-bolehnya. Dia membalas mesej kami sepantas yang mungkin. Kami sangat mengaguminya.



KEPUTUSAN PERTANDINGAN KESIHATAN AKADEMI EVERSAFE – MAC 2024



MARCH - 2024

SUKA UNTUK KAMI MAKLUMKAN PEMENANG PERTANDINGAN KESIHATAN AKADEMI EVERSAFE BAGI MAC 2024:



DURAI T P .ES

Mendahului dengan jumlah 434,781 langkah, DURAI T P .ES sekali lagi telah menunjukkan komitmen teguh terhadap kesihatan dan kesejahteraan dan ini memberi inspirasi kepada kita semua.



APARNA

Setinggi-tinggi tahniah kepada Aparna di atas pencapaian hebatnya dengan 424,886 langkah, menunjukkan dedikasi yang konsisten ke arah gaya hidup yang sihat. Dedikasi Aparna banyak menyumbang kepada usaha bersama kita ke arah kesejahteraan.



ANITHA

Memberikan impak yang signifikan dengan 396,184 langkah, Anitha layak diiktiraf atas dedikasinya terhadap kesihatan di dalam pertandingan bulan Mac ini. Penyertaan beliau menyemarakkan lagi budaya kesejahteraan di Akademi Eversafe.

Kami sangat menghargai semua peserta yang terlibat dengan aktif dalam Pertandingan Kesihatan Mac, memupuk budaya kesihatan dan kecergasan dalam organisasi kita. Jom teruskan memotivasi dan menyokong satu sama lain dalam mengutamakan kesihatan. Teruskan bersama kami untuk acara dan inisiatif yang lebih menyeronokkan pada bulan-bulan seterusnya. Ingat, setiap langkah menjadikan kita lebih sihat dan menjadikan gaya hidup kita lebih produktif.



Satu Epal Sehari MENJAUHKAN ANDA DARI DOKTOR

- ▶ Boleh Membantu Mengurangkan Risiko Kanser Kolon, Kulit dan Payudara
- ▶ Boleh Meningkatkan Perlindungan Terhadap Penyakit Jantung
- ▶ Boleh Membantu Merawat Sembelit
- ▶ Boleh Membantu Mengurangkan Masalah Pernafasan
- ▶ Boleh Membantu Meningkatkan Memori
- ▶ Boleh membantu Mengelakkan Onset Penyakit Alzheimer



Lada terkenal dengan bahan anti-mikrob yang membantu memulihkan pelbagai penyakit dari demam biasa sehinggalah kepada kanser. Ia juga adalah sumber Zat Besi dan Vitamin K yang sangat baik.

Latihan Minda di Tempat Kerja Manfaat bermain Sudoku

Sudoku mengasah kecerdasan bendalir dengan mengulang proses penyelesaian masalah yang sama kira-kira 50 kali. pada setiap satu teka-teki. Untuk menyelesaikan teka-teki Sudoku, seseorang itu mestilah mengenalpasti maklumat mana yang relevan. Sudoku memerlukan kemahiran pemikiran logik dan penyelesaian masalah, ia adalah salah satu aktiviti yang boleh mengasah kemahiran kognitif.

Bagaimana untuk bermain Sudoku?

Setiap baris, lajur dan petak (9 ruang semuanya) perlu diisi dengan nombor 1-9, tanpa sebarang pengulangan nombor dalam baris, lajur atau petak.

7			6		3			2
	1	2	5				7	6
6		8		2	7	4	5	
2	4	3		5				8
		7		3		2		1
			2	8			3	7
					9	8		
4					5	6	1	
3		5			2	7		



IMBAS KOD QR UNTUK MENGHANTAR TEKA-TEKI SUDOKU ANDA YANG TELAH LENGKAP DIISI

Sila lengkapkan teka-teki Sudoku dan tangkap gambar untuk dimuat naik melalui kod QR kami beserta dengan butiran anda untuk berpeluang memenangi hadiah sebelum 1 Mei 2024.

Prizes **1ST S\$50** **2ND S\$40** **3RD S\$30**

Pemenang Bulan Lepas

1.



SOHEL

2.



**RAVICHANDRAN
DHARMASEELAN**

3.



**ROSAL MA
WIRLYN**

Last Month Answer

Q	L	M	R	S	M	E	R	M	Q	O
W	C	A	L	M	N	E	S	S	W	I
E	E	P	K	D	Q	W	A	B	Y	U
S	X	P	L	F	W	Q	N	T	R	Y
A	C	R	P	A	E	M	E	C	O	T
T	V	E	P	L	R	I	P	X	T	R
I	B	C	Q	L	X	R	A	Z	R	E
S	N	I	W	S	A	V	T	L	U	W
F	M	A	I	H	D	C	Y	U	D	T
A	Q	T	S	K	M	O	A	A	S	M
C	A	I	R	R	I	L	U	E	N	M
T	L	O	P	L	R	L	R	G	G	N
I	Z	N	Y	W	A	E	O	E	A	B
O	I	D	R	U	T	T	G	R	S	V
N	S	P	I	N	I	S	E	E	D	C
G	P	F	I	C	O	M	A	F	F	X
A	E	U	O	V	N	J	P	D	G	Z
J	D	R	P	H	D	H	E	S	H	L
K	D	C	S	N	F	G	P	A	J	K

Dicipta oleh: Richard Sim
Pengurus Akademik
Eversafe Academy Pte Ltd

Source: <https://www.nytimes.com/puzzles/sudoku/easy>



Akademi Eversafe – Capaian dan Impresi bagi Mac 2024


View Media Sosial

#801

View Aplikasi
Telefon Bimbit

#31,587

 YOUTUBE
IMPRESSION 157



Akademi Eversafe percaya menyebarkan kesedaran melalui Media Sosial boleh memberikan impak positif kepada orang awam dan komuniti pendidikan. Akademi Eversafe telah menghasilkan video-video bermaklumat yang banyak membantu di Saluran YouTube kami "Eversafe Academy". **Beberapa video yang baru kami tampal di saluran kami**



01. Kursus Keselamatan – Video Testimoni Pelajar

Memaparkan video testimoni boleh menjadi satu cara yang baik untuk menunjukkan pengalaman dan maklumbalas positif dari pelajar dengan meminta persetujuan daripada mereka.



2. Kursus Diploma – Video Testimoni Pelajar

Pada Februari 2024, kami telah memaparkan koleksi video testimoni pelajar untuk kursus "Diploma dalam Kejuruteraan Awam Merentasi Dunia". Video-video ini menunjukkan perkongsian dan pengalaman secara langsung daripada kumpulan pelajar kami yang pelbagai, menceritakan tentang capaian global dan manfaat yang diperolehi daripada program kami.



03. Video Maklumat Kursus

Video yang menunjukkan kaedah pembelajaran kami, pelajar-pelajar antarabangsa dan menyampaikan berita umum tentang kelas-kelas dan kursus-kursus khas khas Tahun Baru Cina, ini semua mampu memberikan mesej yang positif dan menghubungkan mereka dengan orang awam.



12. TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

(ACARA CSR) P: 24

1. Kami telah menetapkan batch seterusnya bagi Kelas YOGA PERCUMA untuk pekerja asing, dan kami gembira untuk berkongsi bahawa terdapat permintaan yang tinggi untuk kelas PERCUMA sebegini, yang mana ini merupakan sebahagian dari khidmat Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kami di Akademi Eversafe kepada komuniti pekerja asing.



BOOK NOW

UPCOMING CLASSES

April 2024

7th 14th 21st 28th

May 2024

5th 12th 19th 26th

Masa: 6 PM to 9.45 PM **Lokasi:** Little India branch,
2 Kampong Kapor Rd, Singapore 208674

2. EA akan mengadakan kelas BERCAKAP BAHASA INGGERIS PERCUMA pada tarikh yang dijadualkan di bawah.


UPCOMING CLASSES

- 14th Apr 2024
- 21st Apr 2024
- 28th Apr 2024
- 1st May 2024
- 5th May 2024

BOOK NOW



3. EA akan mengadakan kempen derma darah pada 30 Mac 2024 di Health Sciences Authority, 11 Outram Road, Singapore 169078



13. KURSUS EA TERKINI & ACARA AKAN DATANG P: 25

Akademi Eversafe akan melancarkan kursus-kursus baru yang di senaraikan di bawah (dalam perancangan)

1. MEWP Safety Awareness Course for Supervisors (MSAS)
2. Train the Trainer Safe MEWP Operations (T3SMO)

Upcoming Events





**EVERSAFE ACADEMY
SKY MEDITATION CENTRE**

WCSC APPROVAL NO: WCSC/APP/SGP/054

**SCIENCE OF
UNIFIED LIVING**

A revolutionary insight blending Ancient Indian Wisdom
and Contemporary Science

[Join Now](#)

Kursus-kursus Kami:

1. YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA – KURSUS ASASI
2. YOGA KAYAKALPA
3. KURSUS INTROSPEKSI (I, II & III)
4. YOGA KANAK-KANAK
5. SIJIL DALAM YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA (CYHE)
6. DIPLOMA DALAM YOGA UNTUK KECEMERLANGAN MANUSIA (DYHE)



JOIN OUR YOGA WELNESS COURSES NOW

[Scan QR to View Our Courses in detail.](#)

For more info

Call: +65 6297-8417 | WhatsApp: +65 9381 3608

www.eversafe.edu.sg | training@eversafe.com.sg



WE ARE

HIRING...

JOIN OUR TEAM

OPEN POSITIONS

- » **JURULATIH WSH**
- » **JURULATIH DIPLOMA**
- » **PENGURUS HR**

APPLY

NOW



Email us your resume at

hr1@eversafe.com.sg

Call: (+65) 9059 6339 | www.eversafe.edu.sg





adalah institut latihan terkenal yang menyediakan latihan inovatif untuk memenuhi keperluan pelajar dewasa dan PMET di Singapura dan serantau. Kami terkenal sebagai penyedia latihan dalam bidang WSH, dengan pasukan yang sangat berpengalaman dan ahli profesional keselamatan yang terlatih dan mampu memastikan keselamatan tempat kerja, kawalan kerugian korporat dan kepatuhan undang-undang. Kami mempunyai kumpulan jurutera berpengalaman yang boleh membantu melaksanakan dan membangunkan pelbagai sistem pengurusan.

Kami membentuk set kemahiran pekerja, penyelia dan pengurus untuk memastikan mereka mempunyai pengetahuan yang secukupnya untuk menjalankan tugas mereka dengan selamat. Kami juga menganjurkan latihan untuk syarikat korporat.

Kami menyediakan khidmat nasihat profesional dan menguruskan tempat kerja dengan selamat dengan memberikan kenyataan kaedah, penilaian risiko, prosedur kerja selamat dan khidmat konsultasi profesional penting yang lain. Kami juga ditauliahkan dengan tanda standard kualiti Pentauliahkan EduTrust selama 4 tahun sebagai pengiktirafan kecemerlangan kami dalam pendidikan dan pengalaman pelajar yang berkualiti, sebagai Institut Pendidikan Swasta yang berdaftar.

Call: +65 6297-8417 | WhatsApp: +65 9381 3608

www.eversafe.edu.sg | training@eversafe.com.sg



2008
Year Established

130+
Courses

200+
Dedicated Staffs

1200+
Corporate Clients




- ▶ **Terima kasih kerana menjadi sebahagian daripada komuniti Jurnal EA kami!**
Sukar dipercayai, sudah setahun lamanya sejak kita memulakan perjalanan ini. Sepanjang 12 bulan yang lepas, Jurnal EA telah menjadi sumber inspirasi, ilmu dan kemajuan untuk pembaca kami. Di hujung tahun pertama kami ini, kami ingin berterima kasih atas sokongan padu anda.
- ▶ **Mengimbau Perjalanan Kami**
Dalam tahun sulung kami ini, kami telah merungkai pelbagai topik berkaitan dengan keselamatan, berkongsi pendapat dari pakar-pakar industri dan membawakan anda trend terkini dan amalan yang baik dalam skop keselamatan. Kami berazam untuk menjadi sumber yang anda percayai dalam pendidikan dan kesedaran keselamatan, dan kami bangga dengan komuniti yang ada sekarang hasil dari kerja keras penghasilan Jurnal EA.
- ▶ **Akan Datang**
Dalam kami membuka tirai tahun kedua, kami komited untuk meneruskan misi meningkatkan standard keselamatan dalam pelbagai industri dan sektor. Kami akan bawakan lebih banyak kandungan yang bernilai, pendapat pakar-pakar dan peluang rangkaian dan kemajuan.
- ▶ **Langgan Hari Ini & Kekal Berhubung**
Kami galakkan anda untuk kekal berhubung dengan kami melalui laman web, webinar, bengkel dan acara-acara kami. Maklumbalas dan penglibatan anda tak ternilai bagi kami dalam kita bekerjasama menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik. Jika anda belum melanggan, sekaranglah masa yang sesuai untuk melanggan Jurnal EA. Janganterlepas isi kandungan yang berharga dan komuniti yang menanti anda.

**TERIMA KASIH SEKALI LAGI ATAS SOKONGAN ANDA DALAM MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA
KELUARGA AKADEMI EVERSAFE.**

With warm regards,
The EA Journal Team

SUBSCRIBE

**& JOIN OUR
EA JOURNAL
COMMUNITY**



SCAN HERE



EVERSAFE ACADEMY®
Steps To Success

Kami harap anda seronok membaca Isu ke 19 Jurnal EA kami

Kami akan sentiasa memaklumkan kepada anda fakta dan ilmu terkini. Teruskan menyokong kami.



For more information
visit - www.eversafe.edu.sg

Imbas QR
untuk membaca kesemua
Isu-isu Jurnal kami





Island wide 4 Locations

LITTLE INDIA



No. 2, Kampong Kapur Rd,
Singapore 208674

JOO KOON



No. 2, Joo Koon Road,
Singapore 628966

PIONEER JUNCTION



No.3, Soon Lee Street, #04-14,
16,17, Pioneer Junction,
Singapore 627606

WAN LEE



No. 2, Wan Lee Road,
Singapore 627934

WE ARE
ALWAYS WITH YOU
FOR YOUR
TRAINING NEEDS

+65 6297 8417

+65 9381 3608

www.eversafe.edu.sg

training@eversafe.com.sg



TALK TO _____
OUR EXPERT!

Scan to Visit
Our Website

